

- Tara, N., Irshad, M., Khan, M., & Yamin, M. (2014). Factors Influencing Adoption of Islamic Banking: A Study from Pakistan. *Journal of Public Administration and Governance*, 3.
- Webster, M. (2015). Retrieved from Merriam WebsterDictionary: <http://www.merriam-webster.com/dictionary/tendency>
- Zarehan, S., & Hazlina, A.-K. (2012). Attitude and Patronage Factors of Bank Customers in Malaysia: Muslim and non-Muslim Views.

## OH MY GANU

Nurul Ilyani Abdullah<sup>1</sup>, Nor Ain Solihah Mohd Razali<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti,  
Politeknik Hulu Terengganu

<sup>2</sup>Jabatan Perdagangan,  
Politeknik Hulu Terengganu

ilyani@pht.edu.my, ain\_solihah@pht.edu.my

### Abstract

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti status penggunaan Oh My Ganu. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dimana edaran borang soal selidik telah dibuat kepada 64 responden yang terdiri daripada pelajar semester 1 DUP dan DAT sesi Jun 2015, Politeknik Hulu Terengganu bagi tujuan pengumpulan data. Terdapat tiga objektif iaitu untuk mengenalpasti bentuk Oh My Ganu memenuhi keperluan pelajar, mengenalpasti Oh My Ganu sebagai sumber komunikasi serta mengenalpasti kepuasan pelajar terhadap Oh My Ganu. Berdasarkan hasil dapatan kajian, didapati hanya 47 % sangat bersetuju Oh My Ganu menjadi pemudahcara untuk berkomunikasi. Selain ia dapat memperkenalkan keunikan dialek Negeri Terengganu khususnya di mata masyarakat umum.

**Kata Kunci:** Oh My Ganu, status penggunaan, dialek

### 1.0 Pengenalan

Kajian ini dijalankan ke atas satu produk inovasi. Inovasi ini adalah inovasi yang telah dipilih oleh kumpulan Ganu Kita ialah bertajuk "Oh My Ganu". Oh My Ganu ini adalah hasil inovasi berunsurkan buku panduan dan juga kamus. Projek ini dipilih berdasarkan perbincangan yang melibatkan beberapa orang pelajar bersama penasihat akademik.

Berdasarkan kepada perbincangan tersebut terhasilnya sebuah buku panduan yang mana buku panduan adalah adalah sejenis rujukan, atau koleksi arahan, yang bertujuan untuk menyediakan rujukan yang telah tersedia. Buku panduan ini juga menerangkan sesuatu subjek secara khusus. Pada masa kini ia mudah mengandungi maklumat ringkas dan menjadi cukup kecil yang mudah diletakkan di tangan.

## 2.0 Kajian Literatur

Kamus pula adalah sejenis buku rujukan yang menerangkan makna atau kata-kata. Ia berfungsi untuk membantu seseorang mengenal perkataan baru. Selain menerangkan maksud perkataan, kamus juga mungkin mempunyai pedoman sebutan, asal-usul (etimologi) sesuatu perkataan dan juga contoh penggunaan bagi sesuatu perkataan. Untuk memperjelas kadang kala terdapat juga ilustrasi di dalam kamus.

Perkataan kamus juga diambil dari bahasa Arab 'qamus' (قَامِعٌ)، dengan bentuk jamaknya qawamis. Perkataan Arab ini sendiri berasal dari perkataan Yunani Ωκεανός (oceanos) yang bermaksud 'samudra'. Sejarah perkataan ini jelas menujukkan makna dasar yang terkandung dalam perkataan kamus, iaitu pengetahuan, khususnya pengetahuan bahasa, yang tidak terhingga dalam dan luasnya. Dewasa kini, kamus merupakan khazanah yang memuatkan perbendaharaan kata suatu bahasa, yang tidak terbatas jumlahnya.

Justeru, inovasi berunsurkan buku panduan dan kamus ini bertepatan dengan definisi yang telah dirungkaikan kerana ia dapat membantu pelajar mengenal perkataan baru yang mana mereka tidak pernah lihat atau dengar sebelum ini.

## 3.0 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian adalah untuk mengenalpasti status penggunaan Oh My Ganu dalam kalangan pelajar Politeknik Hulu Terengganu.

## 4.0 OBJEKTIF KAJIAN

### 4.1 Objektif Am:

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kepuasan pelajar terhadap penggunaan Oh My Ganu.

### 4.2 Objektif Khusus

- 4.2.1 Mengenalpasti bentuk Oh My Ganu memenuhi keperluan pelajar.
- 4.2.2 Mengenalpasti Oh My Ganu sebagai sumber komunikasi pelajar.
- 4.2.3 Menentukan tahap kepuasan penggunaan Oh My Ganu.

## 5.0 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran kajian tindakan ini seramai 64 responden. Ianya terdiri daripada 3 orang pelajar lelaki dan 21 orang pelajar perempuan dari program DAT, 10 orang pelajar lelaki dan 30 orang pelajar perempuan dari program DUP Sesi Dis 2015. Penyelidik merupakan penasihat akademik bagi kumpulan ini. Sebagai Penasihat Akademik juga, penyelidik bertanggungjawab untuk menggalakkan responden terlibat secara aktif dengan komuniti setempat.

## 6.0 PELAKSANAAN KAJIAN

Pendekatan kajian ini dilakukan secara bersemuka untuk membincangkan dan mengenalpasti objektif kajian. Data yang dipungut berbentuk kuantitatif dalam satu pusingan dalam jangka masa 1 bulan.

### 6.1 Soal Selidik


Penyelidik telah menyediakan borang soal selidik ringkas untuk mengenalpasti status penggunaan Oh My Ganu dalam kalangan pelajar Politeknik Hulu Terengganu. Borang soal selidik mengandungi empat konstruk iaitu bahagian A (2 item) demografi responden, bahagian B (6 item) mengenalpasti bentuk Oh My Ganu memenuhi keperluan pelajar, bahagian C (3 item) Mengenalpasti Oh My Ganu

sebagai sumber komunikasi pelajar dan bahagian D (7 item) Menentukan tahap kepuasan penggunaan Oh My Ganu.

## 7.0 ANALISA DATA

Analisis data adalah menggunakan Statistical Packages for Social Science (SPSS) software versi 20.


### 7.1 Jantina Pelajar



Rajah 1: Jantina Responden

Analisis data daripada soal selidik yang telah dijalankan mendapati jantina pelajar adalah terdiri dari 19% pelajar lelaki dan 81% pelajar perempuan bersamaan 13 orang pelajar lelaki dan 51 orang pelajar perempuan.


## 7.2 Negeri Kelahiran



Rajah 2: Negeri Kelahiran Responden


Analisis data daripada soal selidik yang telah dijalankan mendapati negeri kelahiran pelajar adalah 89% dari Pantai Timur dan hanya 1% dari Utara. Walau bagaimanapun dari kajian yang dijalankan pelajar adalah berasal dari Kelantan yang mana dialeknya adalah berbeza dengan dialek Terengganu.

## 7.3 Bentuk Oh My Ganu




Rajah 3: Oh My Ganu Mesra Pengguna

Analisis data daripada soal selidik yang telah dijalankan mendapati bahawa Oh My Ganu adalah mesra pengguna merujuk kepada Rajah 3. Berdasarkan Rajah 3 45% responden bersetuju bahawa Oh My Ganu mesra pengguna di mana OH MY GANU ini membolehkan responden faham perkataan/dialek Terengganu dengan mudah serta ia mudah di bawa kerana kecil dan ringan dan hanya 4% mengatakan tidak setuju Oh My Ganu sangat mesra pengguna.



Rajah 4: Oh My Ganu Interaktif


Dari segi interaktifiti pula, analisis data mendapati bahawa Oh My Ganu adalah interaktif merujuk kepada Rajah 4. Berdasarkan Rajah 4, 48% responden bersetuju bahawa Oh My Ganu interaktif di mana ilustrasi gambar/tulisan dalam Oh My Ganu menarik dan elemen-elemen di dalam Oh My Ganu ini sangat interaktif. Hanya 4% mengatakan ia tidak interaktif.



Rajah 5: Rekabentuk Oh My Ganu


Analisis data daripada soal selidik yang telah dijalankan mendapati bahawa Oh My Ganu mempunyai rekabentuk yang sesuai. Berdasarkan Rajah 5, 47% responden bersetuju bahawa Oh My Ganu mempunyai saiz tulisan yang membuatkan ia ini kelihatan menarik dan 3% menyatakan tidak setuju.

### 7.3 Sumber Komunikasi Pelajar



Rajah 6: Kegunaan Oh My Ganu

Analisis data daripada soal selidik yang telah dijalankan mendapati bahawa Oh My Ganu sangat berguna. Berdasarkan Rajah 6, 64% responden sangat bersetuju bahawa Oh My Ganu mempunyai informasi yang berguna kepada pelajar luar Terengganu untuk berkommunikasi dan selain itu informasi yang diberikan juga disampaikan dengan jelas.




Rajah 7: Kesesuaian Oh My Ganu

Analisis data daripada soal selidik yang telah dijalankan mendapati bahawa Oh My Ganu sangat sesuai dan mudah difahami. Berdasarkan Rajah 7, 67% responden sangat bersetuju bahawa Oh My

sesuai dan mudah difahami, diikuti dengan setuju 28%, tidak pasti 3%, 2% tidak setuju, dan 0% sangat tidak setuju. Ini menunjukkan ia sangat sesuai dan mudah untuk difahami.

#### 7.4 Keseluruhan Oh My Ganu



Rajah 8: Keseluruhan Oh My Ganu

Berdasarkan analisis data yang telah dijalankan Oh My Ganu 47% responden menyatakan Oh My Ganu sangat berguna kepada pelajar Politeknik Hulu Terengganu kerana ia amat menarik, mudah digunakan, memberi informasi yang berguna, sangat inovatif dan memberikan satu kaedah baru kepada para pelajar untuk memahami dialek Terengganu, sangat mesra pengguna. Ia menunjukkan hampir keseluruhan responden berpuas hati dengan penggunaan Oh My Ganu ini, hanya sebilangan kecil sahaja yang kurang berpuas hati dengan penggunaan Oh My Ganu iaitu 3%.

#### 8.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, projek inovasi “Oh My Ganu” ini sedikit sebanyak dapat membantu pelajar yang berasal dari luar Negeri Terengganu untuk memahami dialek dan budaya Negeri Terengganu. Selain itu, masalah komunikasi dengan masyarakat setempat dapat dikurangkan dengan penggunaan “Oh My Ganu” ini. Selain itu, berdasarkan kajian ia dapat memberi manfaat kepada semua dan memperkenalkan lagi keunikan Terengganu di mata umum.

#### Rujukan

Hashim, A. B. (n.d.).

Ismail, N. (2007). Juzclick: Kamus Multimedia Interaktif Berasaskan Web . *1st International Malaysian Educational Technology Convention*.

Mengenali Bahan Bacaan. (n.d.).

*Pembangunan E-Kamus Bagi Javascript Berdasarkan Teori Bahan Kognitif.* (n.d.). Retrieved April 12, 2015, from [http://www.researchgate.net/publication/49910661\\_Pembangunan\\_E-Kamus\\_Bagi\\_Javascript\\_Berdasarkan\\_Rekabentuk\\_Teori\\_Beban\\_Kognitif](http://www.researchgate.net/publication/49910661_Pembangunan_E-Kamus_Bagi_Javascript_Berdasarkan_Rekabentuk_Teori_Beban_Kognitif)

*Penegertian Kamus.* (n.d.). Retrieved April 12, 2015, from <http://www.scribd.com/doc/36122240/Pengertian-kamus#scribd>

#### BORANG SOAL SELIDIK OH MY GANU

Assalamualaikum/Salam sejahtera,

- Soal selidik ini dibentuk untuk mendapatkan maklumbalas tentang **OH MY GANU** yang dihasilkan sebagai pemudahcara komunikasi bagi pelajar luar Terengganu.
- Diharapkan anda menjawab semua soalan dengan ikhlas bagi membantu kumpulan penyelidik untuk memperbaiki mutu **OH MY GANU** ini untuk manfaat semua.
- Segala maklumbalas yang diberikan akan di**RAHSIAKAN**.
- Kerjasama anda melengkapkan soal selidik ini adalah amat dihargai.

#### Bahagian I: Latar Belakang

Sila tandakan (x).

1. Jantina: [ ] Lelaki [ ] Perempuan
2. Negeri Kelahiran [ ] Pantai Timur Semenanjung (Terengganu, Kelantan, Pahang)  
[ ] Pantai Barat Semenanjung (Melaka, Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Negeri Sembilan)
- [ ] Utara Semenanjung (Kedah, Perlis, Pulau Pinang)
- [ ] Sabah & Sarawak

**Bahagian II: Bentuk OH MY GANU**

Bagi setiap item, sila bulatkan untuk menyatakan pendapat anda mengikut skala yang diberikan.

No	Perkara	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
		1	2	3	4	5
<b>(A) Mesra Pengguna</b>						
1	Bentuk OH MY GANU ini membolehkan anda faham perkataan/dialek Terengganu dengan mudah.	1	2	3	4	5
2	<b>OH MY GANU</b> mudah untuk dibawa.	1	2	3	4	5
<b>(B) Interaktiviti</b>						
3	Ilustrasi gambar/tulisan dalam <b>OH MY GANU</b> menarik	1	2	3	4	5
4	Elemen-elemen di dalam <b>OH MY GANU</b> ini sangat interaktif.	1	2	3	4	5
<b>(C) Rekabentuk</b>						
5	Saiz tulisan yang digunakan membuatkan <b>OH MY GANU</b> ini kelihatan menarik.	1	2	3	4	5
6	Warna-warna yang digunakan adalah menarik.	1	2	3	4	5

**Bahagian III: OH MY GANU Sumber Komunikasi Pelajar**

Bagi setiap item, sila bulatkan untuk menyatakan pendapat anda mengikut skala yang diberikan.

No.	Perkara	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
		1	2	3	4	5
<b>(D) Kegunaan</b>						
7	Informasi yang diberikan dalam <b>OH MY GANU</b> adalah berguna bagi pelajar luar Terengganu untuk berkmonunikasi	1	2	3	4	5
8	Informasi yang diberikan dalam <b>OH MY GANU</b> disampaikan dengan jelas.	1	2	3	4	5
<b>(E) Kesesuaian</b>						
9	Informasi yang diberikan dalam <b>OH MY GANU</b> amat mudah difahami.	1	2	3	4	5

**Bahagian IV: Keseluruhan OH MY GANU**

Bagi setiap item, sila bulatkan untuk menyatakan pendapat anda mengikut skala yang diberikan.

No.	Perkara	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
		1	2	3	4	5
10	<b>OH MY GANU</b> amat menarik untuk para pelajar.	1	2	3	4	5
11	<b>OH MY GANU</b> ini mudah untuk digunakan.	1	2	3	4	5
12	<b>OH MY GANU</b> ini memberi informasi yang berguna.	1	2	3	4	5
13	<b>OH MY GANU</b> ini sangat inovatif dan memberikan satu kaedah baru kepada para pelajar untuk memahami dialek Terengganu.	1	2	3	4	5
14	<b>OH MY GANU</b> ini sangat mesra pengguna.	1	2	3	4	5
15	Sangat berpuashati menggunakan <b>OH MY GANU</b>	1	2	3	4	5

~~~ TERIMA KASIH~~~